

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

15. Trafik sesak di sekeliling SMK Jalan Damai dan Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin terutamanya semasa sesi pelajar tamat persekolahan. Apakah cadangan yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kesesakan trafik ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kesesakan trafik di Jalan Damai berhadapan SMK Jalan Damai dan Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin semasa sesi pelajar tamat persekolahan adalah berpunca dari kenderaan ibubapa yang diletakkan di bahu jalan sementara menunggu pelajar keluar dari kawasan sekolah.

Bagi mengurangkan kesesakan trafik di kawasan tersebut, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang mencadangkan pelebaran sebahagian bahu jalan berhadapan SMK Jalan Damai untuk dijadikan kawasan menurun dan mengambil penumpang serta laluan pejalan kaki.

Permohonan peruntukan akan dibuat dalam bajet tahun 2021.